

30/04/1997

10 kriteria tentukan kejayaan MSC

Hizral Tazzif Hisham; Faizal Fadzil

PERBADANAN Pembangunan Multimedia (MDC) menggariskan sepuluh kriteria bagi menentukan kejayaan Koridor Raya Multimedia (MSC) mewujudkan industri multimedia tempatan yang bertaraf dunia.

Antara kriteria yang ditentukan ialah bilangan syarikat yang melabur dalam MSC, pertumbuhan syarikat IT tempatan, penghasilan produk multimedia, teknologi terbaru, perdagangan elektronik, prasarana dan perkhidmatan bermutu tinggi, pekerja berkemahiran, pertumbuhan Keluaran Negara Kasar, imbalan pembayaran serta rangkaian global.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif MDC, Tan Sri Othman Yeop Abdullah, berkata sepuluh kriteria itu penting bagi mengukur kejayaan pelaksanaan MSC sebagai pemangkin industri multimedia negara.

"Ini kerana MSC adalah medan ujian untuk menentukan berjaya atau tidak pembangunan industri multimedia sebelum ia dilaksanakan di seluruh negara," katanya di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas sidang akhbar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Majlis Teknologi Maklumat Negara (MTMK) bagi membincangkan Agenda IT Kebangsaan.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta Setiausaha MTMN yang juga Presiden Mimos Bhd, Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen.

Beliau berkata, sebanyak sembilan syarikat termasuk dua syarikat teknologi maklumat tempatan sudah menyatakan komitmen mereka untuk membeli tanah di bandar raya IT, Cyberjaya yang mana upacara pecah tanah akan dilakukan pertengahan Mei ini.

Selain itu, katanya, 12 syarikat sudah menyatakan komitmen mereka untuk melabur di Cyberjaya, termasuk membangunkan pusat penyelidikan dan pembangunan produk masing-masing.

Antaranya ialah Fujitsu, Mitsubishi, British Telecoms, NTT, DHL, Sumitomo, Sun Microsystems, Sharp, NCR, NEC, Northern Telecoms, Siemens, AIMS, IOI Multimedia, Telekom Malaysia, TV3, Alam Teknokrat, Renong Solutions, CSA dan Mimos Bhd.

Bagaimanapun, beliau menekankan bahawa MSC bukannya taman teknologi yang hanya menekankan kepada pembangunan teknologi multimedia semata-mata tetapi ia mencakupi pelbagai aspek lain seperti sosial, ekonomi dan politik.

Katanya, hasil promosi yang dilakukan secara agresif oleh Datuk Seri Dr Mahathir ketika lawatannya ke Amerika Syarikat dan Jepun, Malaysia kini menduduki pilihan utama oleh syarikat IT antarabangsa untuk melabur dalam bidang berkenaan.

Sementara itu, Tengku Azzman berkata, Agenda IT Kebangsaan bertujuan mewujudkan masyarakat kaya menjelang abad 21 dan menjadi senjata strategik untuk mencapai Wawasan 2020.

(END)